

'Belum ada calon Naib Canselor baharu UMS'

BH 30.5.2017 11

Kota Kinabalu: Perbahasan mengenai pemilihan calon Naib Canselor baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang didakwa meminggirkan calon tempatan seperti tersebar sejak beberapa hari lalu hanya satu spekulasi.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh mengesahkan jawatankuasa pemilihan belum mengemukakan nama calon Naib Canselor universiti itu.

"Saya sudah bangkitkan perkara ini kepada Idris pada Mesyuarat

Kabinet lalu dan dia mengesahkan jawatankuasa pemilihan belum mengemukakan sebarang cadangan pemilihan Naib Canselor baharu UMS.

Calon rakyat Sabah

"Sebagai pemangku Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), saya sudah sampaikan kepada Idris bahawa tidak boleh diterima jika jawatankuasa pemilihan membuat kesimpulan tiada rakyat Sabah berkecualan mengisi jawatan itu, sedangkan dua Naib Canselor sebelum ini adalah anak jati Sabah," katanya dalam kenyataan di



Maximus Ongkili

sini, semalam.

Maximus berkata, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) perlu mengambil kira jaminan Borneonisasi yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963 bagi pemilihan Naib Canselor UMS.

Sebelum ini, akhbar melaporkan Lembaga Pengarah UMS mencadangkan dua calon bukan rakyat Sabah untuk mengambil alih jawatan Naib Canselor daripada Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang bersara bulan depan.

Cadangan itu sekali gus menimbulkan bantahan rakyat Sabah yang menyifatkannya sebagai me-

ngetepikan calon anak jati Sabah.

Maximus berkata, walaupun pemilihan bagi jawatan itu memerlukan kecemerlangan dalam kelayakan akademik dan kemahiran yang terbukti dalam pengurusan, KPT perlu mengambil kira jaminan Borneonisasi.

Katanya, jaminan itu menyatakan keutamaan perlu diberi kepada pegawai yang berasal dari Sabah dalam pelantikan jawatan kanan perkhidmatan awam Persekutuan.

"Saya yakin KPT akan mematuhi jaminan dalam Perjanjian 1963 ini," katanya.